



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
(THE SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

Ruj.Kami : PPM-48 jld 2 (018)/2016
Tarikh : 26 September 2016

Edaran seperti lampiran

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan,

**MAKLUMAN PERTANDINGAN MELUKIS POSTER KESELAMATAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KEEMPAT PPM 2016**

Dengan segala hormat dan sukacitanya, dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko PPM akan menganjurkan Pertandingan Poster Keselamatan Peringkat Kebangsaan Kali Keempat PPM 2016 mulai 1 Oktober hingga 30 November 2016.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datuk/Tuan, pertandingan ini diadakan bertujuan mencungkil bakat melukis di kalangan warga Persekutuan Pengakap Malaysia meliputi Pemimpin, Pengakap Kelana, Pengakap Remaja, Pengakap Muda dan Pengakap Kanak-Kanak. Pertandingan ini juga merupakan kesinambungan kepada edisi ketiga yang telah diadakan pada tahun 2015 yang lalu. Poster yang dipilih sebagai pemenang akan dijadikan poster keselamatan rasmi PPM oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi mempromosikan aspek keselamatan di dalam aktiviti kepengakapan, sekaligus memartabatkan aspek pengurusan risiko di kalangan warga Persekutuan Pengakap Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/Datuk/Tuan dipohon agar dapat memanjangkan makluman tentang pertandingan ini kepada Pemimpin dan ahli Pengakap di peringkat Negeri dan Daerah merangkumi semua unit pengakap bagi membuka ruang yang lebih luas untuk ahli-ahli Pengakap dari seluruh Negara untuk menyertai pertandingan ini.

4. Maklumat lanjut tentang pertandingan ini termasuk syarat-syarat pertandingan, senarai hadiah untuk pemenang-pemenang dan pilihan slogan (*caption*) ada dilampirkan bersama-sama surat ini. **Tarikh tutup pertandingan ini ialah selewat-lewatnya pada 30 November 2016.**


5. Sebarang pertanyaan mengenai pertandingan ini, pihak YBhg. Dato'/Datuk/Tuan dipersilakan untuk berhubung terus dengan Encik Abdullah Sani bin Hillaluddin, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko PPM di talian 019 – 767 2147 atau Encik Akhtar Nurfitri bin Mat Zain, Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Risiko PPM di talian 012 – 503 8384.

Segala kerjasama dan keprihatinan daripada YBhg. Dato'/Datuk/Tuan dalam menjayakan program yang telah dirancang ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN”

Yang menjalankan tugas
Persekutuan Pengakap Malaysia,



DATO' RAJA RUSLAN BIN RAJA SAMAH
Ketua Pegawai Eksekutif

s.k.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Paduka Ketua Pengakap Negara

YBhg. Mej. Jen. Prof. Dato' Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara

YBrs. Tuan Ketua Pegawai Operasi

YBhg. Tuan Pesuruhjaya Program Negara

Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan (Pengurusan Risiko)

Ruj.Kami : PPM-48 jld 2 (018)/2016
Tarikh : 26 September 2016

LAMPIRAN -1

YBhg. Datuk Haji Awang Zainie bin Haji Suntim
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sabah

YBhg. Tuan Haji Ishak bin Mohd Jonid
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Selangor

YH. Dato' Haji Lias bin Mohd. Noor
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pahang

YBhg. Tuan Haji Yaacob bin Abdul Karim
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Johor

YBhg. Tuan Haji Zulkafli bin Kamaruddin
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pulau Pinang

YBhg. Tuan Haji Ahmad Azam Shah bin Abd. Majid
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perak

YBhg. Encik Hamdan bin Haji Mohd Nor
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sembilan

YBhg. Encik Mohd Radzi bin Johari
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri KLM/IPGM/KPM

YBhg. Encik Hong Heng Chee
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Wilayah Persekutuan Labuan

YBhg. Encik Mohd Zamir bin Mohd Sharif
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Melaka

YBhg. Tuan Haji Che Soh bin Muda
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Terengganu

YBhg. Prof. Madya. Dr. Abdul Rashid bin Mohamad
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri K.L.K.M

YBhg. Encik Sudaryo bin Osman
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak

YBhg. Dato' Dr. Elli bin Mohd Tahir
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

YBhg. Tuan Haji Aminuddin Bin Mohamad
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kelantan

YBhg. Tuan Haji Mohd Nizar bin Yusoff
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Kedah

YBhg. Encik Azmi bin Abdullah
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Perlis